

PENTERJEMAHAN DAN PERANANNYA DALAM PENDIDIKAN ISLAM MASYARAKAT MALAYSIA

Kamarul Azmi Jasmi
Azmi Shah Suratman

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Suratman, A. S. (2004). Penterjemahan dan Peranannya dalam Pendidikan Islam Masyarakat Malaysia in *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-10* at Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, on 2-4 Ogos 2005 di, pp 1-10.

Abstrak

Penterjemahan mempunyai erti yang sangat penting dalam pembangunan peradaban manusia kerana peranannya mendidik masyarakat memperoleh maklumat asing melalui bahasanya sendiri. Usaha menterjemah bermaksud "usaha mengalihkan fikiran konseptual yang ditulis oleh penulis bahasa sumber dengan segala gagasan dan pengalaman yang dapat menambah dan mempe kaya budaya dan merangsang kemajuan peradaban bangsa bahasa sasaran" (H. Anhari Basuki, 2000). Salah satu sendi perkembangan peradaban manusia ialah bidang penterjemahan. Sebuah peradaban yang ingin terus maju mestilah menjadikan bidang penterjemahan salah satu bidang utama dalam peradabannya. Ini adalah kerana bidang penterjemahan adalah satu bidang yang sangat penting dalam perpindahan ilmu dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Melaluinya, banyak rahsia-rahsia ilmu dari sesuatu bangsa dapat dikembangkan kepada bangsa-bangsa yang lain (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 2001). Kepentingan penterjemahan ini secara umumnya penting dalam bidang-bidang strategik negara termasuklah bidang pendidikan. Tingginya usaha penterjemahan menjadikan negara dapat dikembangkan ke tahap teknologi baru dan terkini kepada semua lapisan masyarakat. Dalam bidang pendidikan, penterjemahan menyumbangkan pengetahuan baru lagi terkini kepada guru-guru dan pelajarnya sama ada di peringkat pengajian tinggi apatah lagi pada peringkat menengah dan yang lebih rendah daripadanya. Sedikit sebanyak usaha penterjemahan dalam bidang material dan teknologi sudah berjalan di atas landasannya yang betul yang membolehkan usaha-usaha memasukkan teknologi dapat dibangunkan di dalam negara. Namun sejak awalnya lagi kita lupa tentang peranan penterjemahan dalam kemajuan kerohanian kita yang mana kita menjadikan Islam sebagai agama resmi negara. Kurangnya usaha penterjemahan kitab-kitab turath Islam yang utama menyebabkan ajaran Islam tidak dapat difahami dengan mendalam dan menyeluruh. Ini ditambah dengan kurangnya usaha untuk memajukan bahasa Arab sebagai usaha menjadikan bahasa yang seiring dengan usaha yang dilakukan sebagaimana bahasa Inggeris. Ironinya ilmu-ilmu Islam yang terdapat dalam kitab-kitab turath yang tebal dan berbahasa Arab akan terus tersimpan akibat kurangnya usaha yang gigih negara untuk menyalurkannya kepada rakyat melalui penterjemahan.

PENTERJEMAHAN DAN PERANANNYA DALAM PENDIDIKAN ISLAM MASYARAKAT MALAYSIA*

Kamarul Azmi Jasmi

(qamar@utm.my)

Azmi Shah Suratman

Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

PENTERJEMAHAN

Penterjemahan mempunyai erti yang sangat penting dalam pembangunan peradaban manusia kerana peranannya mendidik masyarakat memperoleh maklumat asing melalui bahasanya sendiri. Usaha menterjemah bermaksud "usaha mengalihkan fikiran konseptual yang ditulis oleh penulis bahasa sumber dengan segala gagasan dan pengalaman yang dapat menambah dan mempekaya budaya dan meranngsang kemajuan peradaban bangsa bahasa sasaran" (H. Anhari Basuki, 2000).

Salah satu sendi perkembangan peradaban manusia ialah bidang perterjemahan. Sebuah peradaban yang ingin terus maju mestilah menjadikan bidang perterjemahan salah satu bidang utama dalam peradabannya. Ini adalah kerana bidang perjemahan adalah satu bidang yang sangat penting dalam perpindahan ilmu dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Melaluinya, banyak rahsia-rahsia ilmu dari sesuatu bangsa dapat dikembangkan kepada bangsa-bangsa yang lain (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 2001).

Kepentingan penterjemahan ini secara umumnya penting dalam bidang-bidang strategik negara termasuklah bidang pendidikan. Tingginya usaha penterjemahan menjadikan negara dapat dikembangkan ke tahap teknologi baru dan terkini kepada semua lapisan masyarakat. Dalam bidang pendidikan, penterjemahan menyumbangkan pengetahuan baru lagi terkini kepada guru-guru dan pelajarnya sama ada di peringkat pengajian tinggi apatah lagi pada peringkat menengah dan yang lebih rendah daripadanya.

Sedikit sebanyak usaha penterjemahan dalam bidang material dan teknologi sudah berjalan di atas landasannya yang betul yang membolehkan usaha-usaha kemasukkan teknologi dapat dibangunkan di dalam negara. Namun sejak awalnya lagi kita lupa tentang peranan penterjemahan dalam kemajuan kerohanian kita yang mana kita menjadikan Islam sebagai agama resmi negara. Kurangnya usaha penterjemahan kitab-kitab turath Islam yang utama menyebabkan ajaran Islam tidak dapat difahami dengan mendalam dan menyeluruh. Ini ditambah dengan kurangnya usaha untuk memajukan bahasa Arab sebagai usaha menjadikan bahasa yang seiring dengan usaha yang dilakukan sebagaimana bahasa Inggeris. Ironinya ilmu-ilmu Islam yang terdapat dalam kitab-kitab turath yang tebal dan berbahasa Arab akan terus tersimpan akibat kurangnya usaha yang gigih negara untuk menyalurkannya kepada rakyat melalui penterjemahan.

KAJIAN HUBUNGAN TAHAP PENGETAHUAN ISLAM GURU TAKMIR DENGAN KARYA TERJEMAHAN

Satu kajian penyelidikan (Kamarul Azmi, *et al*, 2003) membuktikan bahawa tahap pengetahuan guru-guru takmir banyak bergantung kepada buku-buku terjemahan untuk mereka mengetahui dan mendalam: pengetahuan Islam. Tahap pengetahuan dan penggunaan yang rendah kitab-kitab turath terbukti wujud kesan daripada sukarnya guru-guru takmir mendapatkan kitab-kitab terjemahan. Secara umumnya kajian ini melibatkan 179 responden guru-guru takmir di Daerah

* Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, anjuran Universiti Malaysia Sabah, Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Johor Bahru, Batu Pahat dan Kluang dengan dapatan seperti berikut. Kajian tentang tahap pengetahuan dan penggunaan kitab-kitab turath pula ditumpukar. kepada karya-karya utama al-Imam al-Nawawi berdasarkan ketokohan beliau yang dikenali dalam mazhab al-Imam al-Shafie. Dapatan kajian. seperti berikut:

Jadual 1 Tahap Pendidikan Guru-guru Takmir

| Pendidikan | Kekerapan | Peratus (%) |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Sarjana | 3 | 1.7 |
| Sarjana Muda | 7 | 3.9 |
| Diploma | 9 | 5.0 |
| Syahadah Thanawiyah | 34 | 19 |
| Sekolah Khas Negeri Johor | 110 | 61.5 |
| Lain-lain | 16 | 8.9 |
| Jumlah | 179 | 100 |

(Kamarul Azmi, *et al*, 2003: 38)

Jadual 2 Taburan Skor Mengenai Karya al-Imam Al-Nawawi yang diketahui oleh Responden

| No. | Item | | Tidak tahu | Tahu | Jumlah |
|-----|---|-----|------------|------|--------|
| 1 | Al-Hadith al-Arba'iin | Bil | 10 | 169 | 179 |
| | | % | 5.6 | 94.4 | 100 |
| 2 | Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al- Mursalin | Bil | 21 | 158 | 179 |
| | | % | 11.7 | 88.3 | 100 |
| 3 | Al-Adzkar | Bil | 95 | 84 | 179 |
| | | % | 53.1 | 46.9 | 100 |
| 4 | Rawdat al-Talibin Fi al-Fiqh | Bil | 71 | 108 | 179 |
| | | % | 39.7 | 60.3 | 100 |
| 5 | Al-Tibyan Fi Adab Haml Al-Quran Wa Mukhtasarihi | Bil | 137 | 42 | 179 |
| | | % | 76.5 | 23.5 | 100 |
| 6 | Al-Minhaj Sharh Sohih Muslim | Bil | 80 | 99 | 179 |
| | | % | 44.7 | 55.3 | 100 |
| 7 | Minhaj al-Talibin | Bil | 50 | 129 | 179 |
| | | % | 27.9 | 72.1 | 100 |
| 8 | Al-Majmu ^c | Bil | 94 | 85 | 179 |
| | | % | 52.5 | 47.5 | 100 |

(Kamarul Azmi, *et al*, 2003: 46)

Jadual 3 Taburan Skor Mengenai Kitab Al-Imam Al-Nawawi Yang Digunakan Oleh Responden Untuk Mengajar Di Masjid

| No. | Item | | Tidak guna | Guna | Jumlah |
|-----|---|-----|------------|------|--------|
| 1 | Al-Hadith al-Arba'in | Bil | 22 | 157 | 179 |
| | | % | 12.3 | 87.7 | 100 |
| 2 | Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al- Mursalin | Bil | 41 | 138 | 179 |
| | | % | 22.9 | 77.1 | 100 |
| 3 | Al-Adzkar | Bil | 124 | 55 | 179 |
| | | % | 69.3 | 30.7 | 100 |
| 4 | Rawdat al-Talibin Fi al-Fiqh | Bil | 22 | 157 | 179 |
| | | % | 12.3 | 87.7 | 100 |
| 5 | Al-Tibyan Fi Adab Haml Al-Quran Wa Mukhlasarihi | Bil | 104 | 75 | 179 |
| | | % | 58.1 | 41.9 | 100 |
| 6 | Al-Minhaj Sharh Sohih Muslim | BU | 164 | 15 | 179 |
| | | % | 91.6 | 8.4 | 100 |
| 7 | Minhaj al-Talibin | Bil | 117 | 62 | 179 |
| | | % | 65.4 | 34.6 | 100 |
| 8 | Al-Majmu ^c | Bil | 97 | 82 | 179 |
| | | % | 54.2 | 45.8 | 100 |

(Kamarul Azmi, *et al*, 2003: 50)

Kajian menunjukkan bahawa karya-karya yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu Malaysia sahaja yang banyak dibaca dan dihayat oleh guru-guru takmir dan digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran mereka iaitu Kitab Matan al-Arba'in dan Kitab Riyadh al- Solihin. Sedangkan kitab-kitab yang lain ada yang masih bare diterjemahkan seperti al-Azkar al-Nawawi dan ada pula hanya dalam bahasa Melayu Indonesia seperti Minhaj al-Talibin dan al-Majmu Golongan-golongan pendidik peringkat akar umbi ini merupakan golongan yang paling dekat dengan masyarakat Islam. Sudah tentu tahap yang rendah dalam pengetahuan mereka kepada Agama Islam memberikan kesan yang lebih rendah tentang tahap pendidikan Islair. audien mereka.

KEDUDUKAN KARYA PENDIDIKAN ISLAM SILAM DAN SEMASA

Karya-karya pendidikan Islam daripada kitab Turath Islam Silam dar Semasa di Malaysia masih tidak menyeluruh dalam semua bidang seperti akidah, Ibadah, Mua'malat, Mua'syarat, jenayah dan akhlak atau tasawu: Ini berlaku kerana wujudnya kekangan yang dihadapi oleh ularrii. terdahulu dan ulama sekarang.

Kekangan Penterjemahan Zaman Silam

Banyak juga usaha ulama-ulama silam untuk menterjemah terus kitab turath yang berkisar kepada perkembangan Pendidikan Islam. Namun kekangan-kekangan yang dihadapi oleh ulama-ulama dahuln menyebabkan kebanyakan kitab tidak diterjemahkan terus sebagaimana bentuk daripada kitab asalnya. Antarann kekangan yang dihadapi oleh ulama silam dan penyelesaian yang mereka lakukan ialah:

Bahasa Melayu dalam Proses Perkembangan

Bahasa Melayu sebelum kedatangan Islam adalah bahasa pinggiran. Oleh sebab itu, bahasa ini tidak menjadi wahana penting dalam penyebaran agama Hindu-Buddha berbanding bahasa Jawa. Namun kedatangan Islam dengan memilih bahasa Melayu ini sebagai bahasa perantara telah mengangkat bahasa Melayu dan kesusasteraan ke peringkat yang lebih global di Alam Melayu (al-Attas, 1999). Oleh kerana pada peringkat perkembangan Islam tersebut bahasa Melayu sedang dalam proses perkembangan, bahasa itu, belum lagi memiliki satu bentuk bahasa yang dinamik dari segi struktur perkataan, ayat dan nahunya. Ini menyebabkan ulama-ulama yang menyebarkan Islam sukar untuk menterjemahkan kitab-kitab turath Arab ke dalam Bahasa Melayu.

Sebagai jalan penyelesaiannya kepada masalah ini mereka menterjemahkan terus kitab-kitab turath arab tersebut kedalam bahasa Melayu tanpa mengubah bentuk ayat dan susunan asal ayat dalam bahasa Arab. Sebagai contoh ayat yang digunakan di dalam kitab al- Iqna' (al-Syarbini al-Khatib, 1998:173/1) ini:

ولو توضأ الشاك بعد وضوئه في حدثه احتياطا فبان محدثا لم يجزه للبرد في النية بلا
ضرورة

Telah diterjemahkan di dalam kitab Sabil al-Muhtadin dengan bentuk ayat berikut:

"Jikalau syak seorang kemudian daripada mengambil wuduk akan hadath maka mengambil wuduk ia kerana ihtiyat kemudian maka nyatalah ia berhadath tiadalah memadai akan dia wuduknya itu kerana syak ia pada niat dengan tiada darurat."

(al-Sheikh Mohammad Arshad b. Abdullah al-Banjari, t.t.: 63/1)

Kitab-kitab turath yang diterjemahkan dengan penggunaan struktur bahasa arab seperti contoh di atas adalah sukar untuk mereka yang tidak mendapat pendidikan pondok agama. Ini menyebabkan kitab-kitab ini tidak digemari oleh golongan yang mendapat pendidikan Islam di arus perdana kerana sukar difahami oleh mereka.

Penguasaan Kaedah Penterjemahan Kitab yang Rendah

Ulama-ulama silam tidak menterjemahkan terus kitab-kitab Turath asal ke dalam bahasa Melayu. Ini kerana sukarnya menterjemah secara terus kitab-kitab tersebut ke dalam Bahasa Melayu disebabkan mereka sendiri tidak berapa mahir dalam susunan bahasa Melayu yang sedang berkembang. Justeru itu, mereka mengambil jalan tengah dengan mengadaptasi karya-karya Arab tersebut dengan menyusun kitab-kitab baru dalam bahasa Melayu yang menggunakan jalan nahu Arab. Contcr di atas antara kitab yang diadaptasi. Kitab-kitab adaptasi yang masft wujud sehingga kini ialah Sabil al-Muhtadin (t.t.) susunan Syeikh Muhammad Arshad, Sirat a-Mustaqim (t.t.) Karangan Syeikh Nuruddm al-Raniri dan Bughyat al-Tullab, Bulugh al-Muram, Ghayat al-Murad, Tahfat al-Raghibin Munyat al-Musalli, Hidyat al-Mutaallim, Fath al- Manan, Jawahir al-Saniyyat, Sullam al-Mubtadi furu' al-Masail karangan Syeikh Abdullah al-Fatani (Shafie Abu Bakar, 2000: 408-409).

Karya-karya di atas walaupun mempunyai nilai keilmuan yang tinggi; tetapi penggunaan terjemahan yang mengikut gaya nahu Arar menyebabkan tidak disukai oleh masyarakat umum untuk membacanya.

Kekangan Penterjemahan Semasa

Malaysia walaupun diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam masih jauh dan ketinggalan dalam penterjemahan kitab-kitab turath. Penelitiar. penulis dikedai-kedai buku di salah sebuah gedung buku yang terbesar di Johor Bahru iaitu Badan Cemerlang Sdn. Bhd (Haji Sa'don b. Mohi Som, 2005) mendapati Karya terjemahan kitab turath Pendidikan Islam Bahasa Melayu yang diterjemahkan oleh orang Malaysia anut ketinggalan berbanding Indonesia. Secara keseluruhannya hasil penelitiar adalah seperti berikut mengikut bidang Pendidikan Islam:

Jadual 4 Perbandingan Kitab Turath Terjemahan dari Malaysia dan Indonesia

| Jenis | Penterjemah | Nama Kitab | Bil. |
|--------|-------------|--|------|
| Tafsir | Malaysia | | 0 |
| | Indonesia | Tafsir Jalalain Tafsir Jalalain dengan Asbab al-Nuzul Tafsir al-Misbah | 3 |
| Fiqh | Malaysia | | 0 |
| | Indonesia | Al-Umm Kifayatul akhyar Bulugh al-Muram Al-Iqna' | 4 |
| Hadis | Malaysia | 375 Hadis Hukhari Muslim - Hambali Abdul wajid Hadis al-Qudis - Syed Ahmad Semait Hadis 40 - Mustafa Abd Rahman Riyad al-Solihin JPM Azkar al-Nawawi - Syed Ahmad Semait | 5 |
| | Indonesia | Al-Ihya' Asbabul Wurud Hadis 40 Himpunan Hadis Dhaif dan Maudhu Instisari Bahr al-Maadzi Kisah Israiliyat dalam Tafsir dan Hadith Mahkota Pokok-pokok Hadis Rasul Mustika Hadis-hadis al-Qudsi Sahih Terjemah Riadhus Salihin Jld 1-2 Shahih Bukhari 1&2 Silsilah Ulama Hadith Tanbihul Ghafilin Bidyatul Mujtahid Tarjamah Riadhus Sahlihin Tarjamah Shahih Bukhari 1-6 Tarjamah Shahih Bukhari 1-9 Tarjamah Shahih Muslim 1-4 Tarjamah Shahih Muslim jilid 1-4 Tarjamah Sunan Abi Daud Jld 1-4 Terjemahan Tanqihul Qoul | 19 |

(Haji Sa'don b. Mohd Som, 2005)

Penelitian di atas hanya penelitian daripada katalog dan kitab-kitab yang dipamirkan. Namun secara umumnya masyarakat Islam boleh menilai sendiri di kedai-kedai kitab bahawa

sememangnya negara Malaysia amat- amat ketinggalan dari sudut bahan-bahan terjemahan kitab-kitab Turath Islam.

Penterjemahan yang banyak kitab-kitab turath Islam tentang Pendidikan Islam dari Indonesia tidak banyak membantu kepada perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. Ini adalah kerana kekangan bagi guru-guru di Malaysia untuk memahami pula bahasa Indonesia yang agak berbeza berbanding dengan bahasa Malayu di Malaysia. Sebagai contoh satu terjemahan yang dilakukan oleh M.Abdai Rathomy dari Indonesia terhadap Kitab Riyadh al-Solihin (al-Nawawi, 1994: 468/ 1):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَلْنِي مِنْكُمْ أَوْلُو
الْأَحْلَامِ وَالنُّهَى ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثَلَاثًا وَإِيَّاكُمْ وَهَيْشَاتِ الْأَسْوَاقِ

"Dari Abdullah bin Mas'ud r.a., katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hendaklah menyampingi saya - dalam shalat - itu orang-orang yang sudah baligh dan berakal, kemudian orang-orang yang bertaraf di bawah itu. "Ini disabdakannya sampai tiga kali. Beliau s.a.w. lalu melanjutkan: "Jauhilah olehmu semua akan berkeras-keras suara seperti pasar."

(Riwayat Muslim, 2001)

Terjemahan di atas selain sukar difahami kerana bahasa Indonesianya. Selain itu, bahasanya juga kerana terikat dengan struktur bahasa Arab yang menyebabkan tidak menarik untuk dibaca dan nampak 'keceluar' dalam penterjemahannya.

Kadang-kadang terjemahan yang dilakukan dalam bahasa Indonesia mengikut gaya penulisan Arab yang panjang berjela-jela untuk sampa: kepada titik noktahnya ini menyebabkan pembaca penat dan jemu untuk membaca kitab-kitab terjemahan tersebut. Sebagai contoh kitab Terjemahan Kifayat al-Akhyar (Taqiyuddin Abu Bakar, 1993:401/1): Ketahuilah, bahwa kambing yang diwajibkan untuk zakat unta di bawah dua puluh lima ekor, adalah domba yang telah tanggal giginya, yaitu domba yang telah berumur setahun menurut qaul yang shahih, dan kambing jawa yang telah berumur dua tahun menurut qaul yang shahih, sebab kekata syaah itu mencakup domba dan kambing Jawa. Kitab-kitab turath terjemahan dari penterjemah di Malaysia pula sangat sedikit. Kalau adapun banyak tertumpu kepada individu-individu yang tertentu sahaja. Itu pun mereka menterjemah kerana minat tanpa ada pengetahuan penterjemahan yang sebenar. Mereka hanya belajar melalui pengalaman dan masih juga terikut-ikut dengan gaya bahasa Arab namun lebih mudah difahami oleh masyarakat Malaysia. Sebagai contoh kitab Imam al-Nawawi (2000: 591) ini:

Sewajarnya orang yang dikatakan kepadanya oleh yang lain: Antara kami dan engkau ialah kitab Allah dan sunnah Nabi s.a.w., ataupun apa yang dikatakan oleh para ulama kaum Muslimin atau yang seumpamanya itu, atau dikatakan kepadanya: mari kita pergi berhukum dengan Hakim kaum Muslimin, atau kepada tuan Mufti untuk memutuskan pertelingkahan di antara sesama kita atau yang seumpama itu, hendaklah dia menjawab: Aku dengar dan aku patuh! Atau dia mengatakan: Dengan penuh kurniaan dan kemuliaan atau yang seumpama itu. Secara kesimpulannya, terdapat banyak kekangan yang menyebabkan kitab-kitab turath tidak banyak diterjemahkan di Malaysia di era semasa ini:

Kesukaran dalam Menterjemah Kitab Turath

Usaha menterjemah merupakan usaha yang sukar kerana memerlukan pengetahuan yang mendalam bahasa, budaya dan latar belakang pemikiran penulis asal kitab Turath. Selain itu kitab tersebut sukar diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu Malaysia kerana melibatkan kepakaran bahasa Arab yang sukar (arab lama) juga memerlukan kepakaran bidang buku yang hendak diterjemahkan. Ini ditambah pula tidak adanya institusi-institusi yang memberikan latihan menterjemah dengan cara yang betul selain lemahnya golongan yang menterjemah ini dalam penguasaan bahasa sasaran iaitu penguasaan bahasa Melayu yang baik.

Kitab Arab Sudah Memadai

Golongan yang berpendidikan dari Negeri Arab lebih gemar membaca Kitab Arab dan tidak mempunyai semangat untuk mengembangkan ilmu yang terdapat dalam Bahasa Arab kepada golongan yang tidak menguasai bahasa tersebut dengan melakukan usaha penterjemahan.

Penterjemah Merupakan Kerja Sampingan

Realiti menjadi penterjemah sepenuh masa di Malaysia tidak akan dapat menampung keperluan kehidupan harian disebabkan tidak dapat dokongan daripada kerajaan. Justeru penterjemah menjadikan usaha penterjemahan sebagai usaha sampingan. Ini menyebabkan sesuatu hasil penterjemahan lama untuk disiapkan dan ini boleh menimbulkan hilang semangat untuk penterjemah. Selain itu insentif yang diberikan oleh penerbit terhadap karya-karya terjemah lebih rendah berbanding dengan buku karya asli. Ini menyebabkan kalangan penterjemah tidak mahu menterjemah kitab- kitab turath dan lebih suka menghasilkan buku sendiri.

Terikat dengan Syarat Penerbit

Kebanyakan penerbit meletakkan syarat karya terjemahan tidak boleh lebih daripada jangka waktu yang tertentu. Ini sebagaimana berlaku dengan Penerbit UTM sendiri yang menghadkan karya yang hendak diterjemahkan mestilah karya tersebut tidak melebihi lima tahun daripada buku asal diterbitkan. Syarat ini adalah mustahil untuk dipenuhi memandangkan kitab-kitab turath semuanya berusia ratusan tahun.

Kos Pencetakan

Kos pencetakan yang tinggi untuk menghasilkan buku-buku yang baik menyebabkan harga buku karya terjemahan yang banyak jilidnya menjadi terlalu mahal. Sebagai contoh Satu Jilid Kitab Fekah Perundangan Islam yang diterjemahkan oleh DBP terpaksa dijual dengan harga RM100.00 bagi menampung kos dan pemberian sedikit saguhati kepada penterjemah. Ini menyebabkan penerbit berfikir banyak untuk menghasilannya dan bagi pihak pembeli yang ingin membeli harga kitab yang terlalu mahal menyebabkan mereka berfikir beratus kali.

Sikap Rakyat Malaysia yang Kurang Membaca

Rakyat Malaysia secara purata sudah terkenal dengan tahap pembacaan yang lemah dengan purat setahun dua buah buku sahaja. Sebagai bukti jumlah keahlian perpustakaan seluruh negara hanya 12 peratus atau dua juta berbanding 25 juta penduduk Malaysia (Che Othman Abdullah, 2005). Berdasarkan pandangan ini penterjemah menjadi lemah semangat untuk menterjemahkan karya-karya Kitab-kitab Turath Islam.

CADANGAN BAGI MENINGKATKAN PENTERJEMAHAN KITAB-KITAB TURATH PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Berdasarkan pemasalahan yang dibahaskan sebelum ini, kekangan dalam menterjemah kitab-kitab turath Islam boleh digiatkan dengan lebih agresif pada masa akan datang dengan perlaksanaan beberapa perkara berikut:

Mengujudkan kursus-kursus penterjemahan

Malaysia jika mahu terus maju dengan acuannya sendiri mestilah mempunyai kumpulan penterjemah yang profesional yang boleh menterjemah dengan cepat dan berkesan sebagaimana yang dilakukan oleh negara seperti Jepun.

Untuk mengujudkan kumpulan ini kursus-kursus sama ada dalam bentuk kursus jangka pendek atau kursus dalam bentuk diploma atau ijazah perlu diwujudkan untuk menghasilkan satu kumpulan ramai penterjemah Malaysia sama ada mereka menterjemah sepenuh masa atau sebagai separuh masa. Ini akan mampu menggiat dan menambahkan lagi kitab-kitab turath yang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu Malaysia.

Memberikan insentif yang lebih kepada penterjemah-penterjemah

Adalah wajar bagi kerajaan untuk mengujudkan jawatan penterjemah kitab-kitab turath Islam dengan kepakaran daripada bidang masing-masing supaya tidak lari maksud sebenar kitab asal yang diterjemahkan. Gaji yang dibayar adalah mengikut kelulusan. Hal ini pernah dilakukan sewaktu zaman kegemilangan pemerintahan Abbasiyyah. Penterjemah diberikan gaji yang lumayan untuk menterjemahkan buku-buku daripada India, Yunani dan China (Ibnu Kathir, 2002).

Peraturan insentif penerbit yang kurang berbanding penerbitan karya asli perlu lebih adil bahkan penterjemah sepatutnya diberikan insentif yang lebih kerana menerbitkan karya terjemahan lebih sukar daripada menghasilkan karya asli. Ini kerana penterjemah terpaksa menguasai dua bahasa, menguasai bidang kitab yang hendak diterjemahkan selain perlu menguasai kaedah penterjemahan yang betul dan tepat dan menarik. Kepakaran yang lebih perlu dibayar dengan insentif yang lebih berpatutan.

Tidak menghadkan tempoh karya asal kitab-kitab Turath Islam

Undang-undang dan peraturan kerajaan atau penerbit yang menghadkan karya-karya yang hendak diterjemahkan kepada hanya di bawah lima tahun dan tempoh-tempoh tertentu perlu dikecualikan terhadap kitab-kitab turath Islam. Ini memandangkan kitab-kitab turath Islam berbeza dengan karya-karya lain. Lagi lama kitab turath Islam dari segi umurnya lagi lebih autoriti untuk dijadikan rujukan dalam permasalahan Islam kini. Justeru itu, kitab-kitab turath Pendidikan Islam perlu dikecualikan daripada tempoh yang tertentu untuk diterjemah dan diterbitkan oleh penerbit.

Memberi pilihan harga yang lebih manarik dengan kualiti yang berbeza

Masalah kos pencetakan yang tinggi untuk mencetak buku-buku perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Jikalau kerajaan mampu tidak mengenakan cukai kepada alatan-alatan komputer yang masuk ke Malaysia yang menyebabkan harga barangan komputer di Malaysia menjadi murah. Perkara yang sama boleh dilakukan kepada cukai kertas yang bertujuan untuk menerbitkan buku-buku karya terjemahan. Adalah baik tidak cukai kertas dihapuskan sama sekali untuk tujuan itu. Ini akan mengurangkan harga buku karya terjemahan selain memberikan penjimatan kepada penerbit. Selain itu, penerbit juga diberikan pilihan untuk menerbitkan karya terjemahan dengan kertas kualiti yang lebih rendah daripada kertas biasa. Kaedah ini ada digunakan oleh umat Islam

tradisi yang dipanggil sebagai *kitab-kitab kuning* (warna kertasnya kuning kerana mutu kertasnya rendah) dan masih diamalkan di beberapa negara seperti India dan Pakistan dan negara-negara Arab. Ini adalah kerana sesetengah pembaca yang tidak berkemampuan sudah berpuas hati dengan kitab-kitab yang kurang kualiti kertasnya kerana mereka lebih mementingkan isinya berbanding dengan mutu kertasnya.

Mitos mengenai sikap membaca Rakyat Malaysia

Sikap membaca yang dirasakan rendah di kalangan rakyat Malaysia hanya dijadikan alasan untuk penerbit enggan menerbitkan buku-buku karya terjemahan kitab-kitab turath Islam. Pandangan ini sebenarnya tidak benar. Apa yang sebenarnya yang menjadi masalah kepada rakyat Malaysia untuk membaca ialah tentang harga bahan bacaan yang ditawarkan. Bukan semua rakyat Malaysia mampu memberi buku-buku dengan harga-harga sebuah buku RM50.00 dan ke atas. Hal ini dibuktikan oleh kajian Perpustakaan Nagara Malaysia yang menjelaskan:

Majoriti rakyat Malaysia membaca surat khabar (79 peratus). Ini adalah wajar memandangkan dari segi harga, bahasa dan penyebarannya, bahan ini paling mudah diperolehi. Buku menduduki tempat kedua (52 peratus) diikuti dengan majalah (47 peratus), dan komik (32 peratus).

http://li-baca.pnm.my/kajian/kajian4_bm.asp

Sasaran golongan yang menggunakan buku-buku karya terjemahan ini sebenarnya banyak terutama golongan guru Pendidikan Islam, Pelajar- pelajar universiti dalam bidang yang berkaitan dan guru-guru takmir sama ada guru-guru takmir yang dibayar gaji oleh JAKIM atau persendirian terutama yang agak lemah Bahasa Arabnya. Apa yang menjadi masalah ialah buku yang hendak dibacanya dan dirujuk yang tidak ada. Kajian terhadap guru takmir pada peringkat awal perbincangan kertas kerja ini telah membuktikan bagaimana peratus yang tinggi karya-karya yang diterjemahkan irntuk dibaca, diketahui dan digunakan oleh mereka berbanding yang belum diterjemahkan.

KESIMPULAN

Penterjemahan kitab-kitab turath Pendidikan Islam merupakan agenda yang penting bagi meningkatkan pengetahuan rohani umat Islam dalam bentuk yang lebih mendalam. Usaha untuk memberikan pengetahuan kepada umat Islam melalui penterjemahan sebenarnya satu usaha yang murni yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak sama ada daripada Kerajaan Malaysia yang telah mengisytiharkan Negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan daripada umat Islam sendiri. Tanpa usaha yang gigih untuk memahami Islam secara menyeluruh daripada sumber kitab-kitab turath Pendidikan Islam, umat Islam di Malaysia akan hanya maju dalam bentuk kebendaan sedangkan cabaran yang mendatang memerlukan umat Islam memahami Islam dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al_Naisaburi (2001). Sahih Muslim. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, (1999). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Nawawi, al-Imam (1994). *Riyadhus Shalihin (Tamati Orang-orang Salih) Menghuratkan hadis-hadis pilihan*. (Terjemah oleh M. Abdai Rathomy). Singapura: Pustaka NasioanaL
- Al-Sheikh Mohammad Arshad b. Abdullah al-Banjari (tt). *Sabil al-Muhtadin ti Tafakkuhfi Amr al-Din*. Pulau Pinang: al-Ma'rif Sdn. Bhd.

- Al-Syarbini al-Khatib, Muhammad (1998). Bujairimi 'ala al-Khatib al-Musammaat bi Tuhfah al-Habib 'ala Sharh al-Khatib al-Ma'ruf bi al-Iqna' fi Hilli al-faz Abi Shuja'. Bairut Dar al-Fikr.
- Che Othman Abdullah (2005). BACALAH. <http://www.bkn.gov.my/buletin-submenu.asp?topic=27&pilihan=444&whichpage=1&showNews=1&myWidth=1>
- Daud b. Abdullah al-Fatani (tt). *Kasfal-Ghaibiyah*. Kota Bharu: Sulaiman Mart.
- H. Anhari Basuki (2000). *Terjemahan Sebagai Media Pendidikan*. Jurnal Bahasa Jun 2000. <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa20/jun/>
- Haji Sa'don b. Mohd Som, Pengurus Badang Cemerlang Sdn. Bhd (2005). Senarai Buku Agama yang Dijual.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz, al-Imam (2002). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Bairut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Jilid 1-10.
- Imam al-Nawawi (2000). *Kumpulan Doa dan Zikir 'Al-Adzkar'*. (Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional. j06terj.html.
- Kamarul Azmi b. Jasmi, Yahaya Jusoh, Aminuddin Ruskam, Zulkefli Haron, Azmi Shah Suratman, Ahmad Kilani Mohamed (2003). *Pengaruh Pemikiran Al-Imam Al-Nawawi Di Kalangan Guru-Guru Takmir Di Negeri Johor*. Vote 71873.
- Shafie Abu Bakar (2000). Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam. (Dalam buku: *Tamadun Islam di Malaysia, Penyelenggara Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taqiyuddin Abubakar b. Muhammad al-Husaini (1993). *Kifayatul Akhyar* (Terjemahan oleh K.H. Syarifuddin Anwar, K.H. Mishbah Musthafa, Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasioanal.
- Zain al-'Abidin al-Fatani (1344H). *Kifayat al-Muhtaj, Miftah al-Murid fi Ilm al-Tauhid*. Mesir: Dar al-Tiba'ah al-Mesriyyah.